



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PENGURUSAN PERUBAHAN
AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022

(Dikemaskini pada: 18 Mei 2024)

Bil.	Perkara	Muka surat
A	PERAKUAN KEKOMPETENAN	1
B	KEBENARAN BERTULIS PENGGUNAAN PREMIS SEBAGAI KILANG	3
C	KEBENARAN BERTULIS PEMASANGAN JENTERA	3
D	PEMERIKSAAN PERTAMA JENTERA	5
E	PEMERIKSAAN BERKALA KILANG DAN JENTERA	5
F	SKIM PEMERIKSAAN KHAS	8
G	NOTIS DI BAWAH AKTA KILANG DAN JENTERA	8

A) PERAKUAN KEKOMPETENAN

Soalan A-1

Apakah status perakuan kekompetenan bagi individu yang telah dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] sebelum atau pada 31 Mei 2024?

- a. **[Penyelia Keselamatan Tapak, Pengendali Perancah, Operator Kren, Orang Kompeten Lif, Orang Yang Bertanggungjawab Mesin Angkat]**

Semua perakuan kekompetenan yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] **yang mempunyai tarikh luput** (Penyelia Keselamatan Tapak, Operator Kren dan Orang Kompeten Lif) adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput.

Pemegang perakuan kekompetenan tersebut hendaklah membuat pendaftaran baharu di bawah Akta 514 mengikut syarat dan kaedah secara dalam talian (MyKKP) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 sebelum tamat tarikh luput perakuan kekompetenan tersebut.

- b. **[Jurutera Dandang Stim dan Drebar Dandang Stim]**

Semua perakuan kekompetenan yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] **yang tidak mempunyai tarikh luput** (Jurutera Dandang Stim dan Drebar Dandang Stim) hendaklah membuat permohonan pendaftaran semula melalui dalam talian sebelum atau pada 31 Disember 2024.

Drebar Dandang Stim

Permohonan pendaftaran semula sebagai Drebar Dandang Stim hendaklah mengikut syarat dan kaedah secara dalam talian (MyKKP) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

Jurutera Dandang Stim

Permohonan pendaftaran semula sebagai Jurutera Dandang Stim hendaklah mengikut syarat dan kaedah secara dalam talian (MySKUD) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

Soalan A-2

Apakah status perakuan kekompetenan bagi syarikat / firma yang telah dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Semua perakuan kekompetenan yang dikeluarkan kepada syarikat / firma, sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] **yang mempunyai tarikh luput** iaitu :

- i. Pembuat dan pemasang dandang stim dan bejana tekanan tidak berapi
- ii. Pembaik Pulih Dandang Stim Dan Bejana Tekanan Tidak Berapi
- iii. Pemasang/Penyelenggara/Pemeriksa Lif, Eskalator Dan Dumbwaiter
- iv. Pembuat Struktur Mesin Angkat
- v. Pemasang/Penyelenggara/Perombak Struktur Mesin Angkat

adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput, dan perlu membuat pendaftaran baharu di bawah Akta 514 mengikut syarat dan kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Permohonan pendaftaran baharu tersebut hendaklah mengikut syarat dan kaedah secara dalam talian (MyKKP) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

Soalan A-3

Apakah status permohonan perakuan kekompetenan yang telah dihantar sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Permohonan tersebut hendaklah diuruskan mengikut kaedah dan syarat di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] sehingga selesai.

B) KEBENARAN BERTULIS PENGGUNAAN PREMIS SEBAGAI KILANG

Soalan B-1

Apakah status permohonan pemeriksaan pertama kilang yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Permohonan pemeriksaan pertama kilang yang diterima **sebelum atau pada 31 Mei 2024** akan diuruskan mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967 **dan** pemeriksaan pertama kilang akan dilakukan oleh pegawai sebelum atau pada 31 Ogos 2024.

Soalan B-2

Adakah pemunya perlu membuat permohonan pemeriksaan pertama kilang selepas 31 Mei 2024?

Jawapan

Pemunya tidak perlu lagi membuat permohonan pemeriksaan pertama kilang selepas 31 Mei 2024.

C) KEBENARAN BERTULIS PEMASANGAN JENTERA

Soalan C-1

Apakah status permohonan ujian hidrostatik (HT) bagi dandang stim dan bejana tekanan yang dimohon sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

- a) Permohonan akan diproses dan disaksikan oleh pegawai JKPP jika ujian hidrostatik boleh dijalankan sebelum atau pada 30 Jun 2024. Permohonan ini akan diuruskan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ 1967) dengan fi ujian sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970.

- b) Sekiranya ujian hidrostatik tidak dapat dijalankan sebelum atau pada 30 Jun 2024, permohonan tersebut akan ditolak dan pemohon perlu membuat permohonan semula kepada JKPP. Ujian hidrostatik akan disaksikan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa yang disenaraikan dalam Jadual Pertama di bawah Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

Soalan C-2

Apakah status permohonan kebenaran memasang (PTI) bagi pendaftaran jentera berperakuan yang dimohon sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

- a) Permohonan kebenaran memasang (PTI) jentera berperakuan tersebut diuruskan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ 1967), jika jentera berperakuan tersebut tersedia untuk diperiksa oleh pegawai sebelum atau pada 31 Ogos 2024.

- b) Jika jentera berperakuan tersebut tidak tersedia untuk diperiksa oleh pegawai sebelum atau pada 31 Ogos 2024, permohonan itu akan ditolak dan pemohon perlu membuat permohonan semula kepada JKPP. Permohonan semula kebenaran memasang (PTI) akan diuruskan di bawah Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

Soalan C-3

Apakah status permohonan kebenaran memasang (permohonan tidak lengkap) bagi pendaftaran jentera berperakuan yang dimohon sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.

Soalan C-4

Apakah status perakuan kelayakan jentera berperakuan sedia ada yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Perakuan kelayakan jentera berperakuan yang telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970 sebelum atau pada 31 Mei 2024, hendaklah masih sah sehingga tamat tempoh perakuan kelayakan tersebut.

D) PEMERIKSAAN PERTAMA JENTERA

Soalan D-1

Adakah pemeriksaan pertama jentera berperakuan masih boleh dijalankan selepas 31 Mei 2024, bagi kebenaran memasang (PTI) jentera berperakuan yang telah diperolehi daripada Jabatan sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Kebenaran memasang (PTI) itu masih sah dan boleh digunakan untuk menjalankan pemeriksaan pertama jentera berperakuan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dengan fi pemeriksaan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970, jika jentera berperakuan tersebut diperiksa oleh pegawai sebelum atau pada 31 Ogos 2024.

E) PEMERIKSAAN BERKALA KILANG DAN JENTERA

Soalan E-1

Apakah status permohonan untuk pemeriksaan berkala bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan sebelum atau pada 31 Mei 2024.

Jawapan

- a) Jika permohonan diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024, pemeriksaan akan dilakukan sebelum atau pada 31 Ogos 2024, dan pemeriksaan jentera berperakuan akan diuruskan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dengan fi pemeriksaan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970.

- b) Jika permohonan diterima selepas 31 Mei 2024, pemeriksaan jentera berperakuan akan diuruskan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dengan fi pemeriksaan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

Soalan E-2

Apakah status permohonan untuk pemeriksaan berkala bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 31 Mei 2024?

Jawapan

JKKP telah menetapkan pemeriksaan berkala bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan sebelum atau pada 31 Ogos 2024, akan diuruskan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dengan fi pemeriksaan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970, jika;

- i. permohonan pemeriksaan berkala dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024; dan
- ii. pemeriksaan berkala dilakukan sebelum atau pada 31 Ogos 2024.

Soalan E-3

Apakah status perakuan kelayakan bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 31 Mei 2024, jika pemunya tidak membuat permohonan pemeriksaan berkala sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jabatan menetapkan, jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan dalam tempoh **1 Jun 2024 hingga 31 Ogos 2024** dan **tiada permohonan pemeriksaan berkala** dibuat oleh pemunya sebelum atau pada 31 Mei 2024, perakuan kelayakan tersebut akan dilanjutkan sehingga atau ditetapkan pada 31 Ogos 2024.

Soalan E-4

Adakah pemohon boleh membuat permohonan lanjutan perakuan kelayakan (sehingga 3 bulan) bagi jentera berperakuan yang tarikh tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 31 Mei 2024?

Jawapan

JKKP telah menetapkan permohonan lanjutan perakuan kelayakan (sehingga 3 bulan) bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan sebelum atau pada 31 Ogos 2024 sahaja boleh memohon untuk melanjutkan perakuan kelayakannya bagi membolehkan permohonan itu diuruskan mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967, jika permohonan lanjutan perakuan kelayakan yang lengkap dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024.

Permohonan lanjutan perakuan kelayakan (sehingga 3 bulan) bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 31 Ogos 2024 akan ditolak walaupun permohonan lengkap dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024.

Soalan E-5

Adakah pemohon boleh membuat permohonan lanjutan perakuan kelayakan (lebih daripada 3 bulan dan sehingga 21 bulan) bagi jentera berperakuan yang tarikh tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 31 Mei 2024?

Jawapan

JKKP telah menetapkan permohonan lanjutan perakuan kelayakan (*lebih daripada 3 bulan dan sehingga 21 bulan*) bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan sebelum atau pada 30 November 2024 sahaja boleh memohon untuk melanjutkan perakuan kelayakannya bagi membolehkan permohonan itu diuruskan mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967, jika permohonan lanjutan perakuan kelayakan yang lengkap dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024.

Permohonan lanjutan perakuan kelayakan (*lebih daripada 3 bulan dan sehingga 21 bulan*) bagi jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan selepas 30 November 2024 akan ditolak walaupun permohonan lengkap dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024.

Soalan E-6

Apakah status permohonan pemeriksaan berkala kilang yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Permohonan pemeriksaan berkala kilang yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024 akan diuruskan mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967 dan pemeriksaan berkala kilang akan dilakukan oleh pegawai sebelum atau pada 31 Ogos 2024.

Soalan E-7

Adakah pemunya perlu membuat permohonan pemeriksaan berkala kilang selepas 31 Mei 2024?

Jawapan

Pemunya tidak perlu lagi membuat permohonan pemeriksaan berkala kilang selepas 31 Mei 2024.

F) SKIM PEMERIKSAAN KHAS

Soalan F-1

Apakah status permohonan Skim Pemeriksaan Khas yang telah dimohon sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Permohonan tersebut akan diuruskan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 sehingga selesai, dengan fi pemprosesan sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas)(Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014.

Soalan F-2

Apakah status kelulusan Skim Pemeriksaan Khas sedia ada yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Jawapan

Skim Pemeriksaan Khas (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) yang telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014 sebelum atau pada 31 Mei 2024 hendaklah masih sah dan diteruskan sehingga tamat tempoh perakuan kelayakan berdasarkan risiko tersebut.

G) NOTIS DI BAWAH AKTA KILANG DAN JENTERA

Soalan G-1

Apakah status notis di bawah Seksyen 19(2), Seksyen 39(3) dan Seksyen 40(4) Akta Kilang dan Jentera 1967 yang dikeluarkan sebelum 31 Mei 2024 setelah Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan?

Jawapan

Notis yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 19(2), sebelum atau pada 31 Mei 2024 adalah masih sah dan perlu diuruskan sehingga selesai di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bermula 1 Jun 2024, kesalahan bagi loji yang tidak mempunyai perakuan kelayakan boleh dikeluarkan notis melarang pengendalian loji di bawah Seksyen 27D(6) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Soalan G-2

Apakah status notis di bawah Seksyen 39(3) dan Seksyen 40(4) Akta Kilang dan Jentera 1967 yang dikeluarkan sebelum 31 Mei 2024 setelah Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan?

Notis yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 39(3) dan Seksyen 40(4) sebelum atau pada 31 Mei 2024 adalah masih sah dan perlu diuruskan sehingga selesai di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bermula 1 Jun 2024 kesalahan bagi tempat kerja, loji, bahan atau proses yang mendarangkan risiko boleh dikeluarkan notis perbaikan atau notis larangan di bawah Seksyen 48 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Disediakan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kementerian Sumber Manusia

18 Mei 2024